

Ada pihak tahu di mana

BH 20 SEP 2000

KOTA KINABALU, Selasa - Ada rakyat Malaysia yang berada di luar negara tahu di mana sebenarnya wang milik syarikat Perwaja Steel Sdn Bhd disimpan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata sehingga kini kerajaan belum dapat lagi bertemu dengan mereka untuk mendapatkan maklumat berkenaan.

"Kita kena dapatkan maklumat tepat kerana bukan mudah untuk men-

dapatkan maklumat apabila wang dibawa keluar (dari Malaysia) dan disimpan di tempat tertentu (di luar negara)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya perkembangan terkini siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap skandal Kumpulan Perwaja, syarikat besi waja yang menanggung beban hutang dan kerugian kira-kira RM10 bilion.

Kes Perwaja adalah antara kes paling lama disia-

sat BPR iaitu sejak ia mula difaillkan pada 1996, walaupun laporan mengenainya diterima pada 1980.

Siasatan terhadap kes berkenaan kembali menarik perhatian apabila bekas pengerusi syarikat itu, Tan Sri Eric Chia, dalam kenyataannya di akhbar *The Straits Times* Singapura, baru-baru ini, menyatakan kesediaannya memberi bukti di mahkamah mengenai kes berkenaan.

Minggu lalu, Berita Ha-

rian melaporkan BPR akan memanggil Eric Chia untuk siasatan lanjut berikutan kenyataannya itu.

Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Zaki Husin, pula dilaporkan berkata pihaknya berjaya mengesan wang milik syarikat itu berjumlah RM76.4 juta yang dimasukkan ke akaun sebuah syarikat asing berdaftar di British Virgin Island, selepas melalui proses pengeluaran dari Malaysia ke Hong Kong, Jepun dan ke dalam akaun

wang Perwaja disimpan'

bank di Switzerland.

Bercakap pada sidang akhbar sebelum mengakhiri lawatan dua harinya di Sabah di Hotel Magellan Sutera di sini hari ini, Dr Mahathir berkata kerajaan memberi kebebasan kepada BPR menjalankan siasatan terhadap kes berkenaan termasuk jangka masa yang perlu diambil untuk diselesaikan.

"Terpulang kepada BPR untuk selesaikan siasatan terhadap kes berkenaan,

nanti kalau kita masuk campur, ada orang kata kita campur tangan pula," katanya.

Ditanya sama ada tindakan akan diambil terhadap Eric Chia, beliau berkata: "Selagi kita tidak dapat bukti, kita tidak dapat ambil apa-apa tindakan."

Mengenai hasrat kerajaan Pas Terengganu untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kerajaan Persekutuan berhubung isu royalti minyak,

beliau berkata, kerajaan negeri itu mempunyai hak untuk mengambil tindakan demikian manakala kerajaan pusat berhak mempertahankan diri.

"Saya tidak tahu tentang mereka, tapi saya yakin kami mempunyai hak untuk beri wang melalui Program Pembiayaan Wang Ihsan dan bukan royalti.

"Kita kena buat belanjawan tetap, jadi pembiayaan itu akan diadakan secara tetap," katanya.